



HRD CORP TERIMA KUNJUNGAN MENTERI KEMAHIRAN UNITED KINGDOM ERAT KERJASAMA MALAYSIA-UK DALAM PEMBANGUNAN TENAGA KERJA

KUALA LUMPUR, 31 Julai 2025 – Human Resource Development Corporation (HRD Corp) hari ini menerima kunjungan hormat daripada Yang Berhormat Baroness Smith of Malvern, Menteri Kemahiran merangkap Menteri Wanita dan Kesaksamaan, Jabatan Pendidikan, United Kingdom ke Ibu Pejabat HRD Corp di Bukit Damansara, di sini sebagai sebahagian daripada lawatan rasmi beliau ke Malaysia.

Yang Berhormat Baroness Smith of Malvern diiringi oleh Tuan Yang Terutama Ajay Sharma, Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia.

Delegasi HRD Corp pula diketuai oleh **Datuk Abu Huraira bin Abu Yazid**, Pengerusi Lembaga Pengarah, bersama-sama **Dr. Syed Alwi bin Mohamed Sultan**, Ketua Eksekutif HRD Corp serta ahli-ahli **Jawatankuasa Pengurusan Kanan HRD Corp**.

Mewakili **Kementerian Sumber Manusia (KESUMA)** dalam pertemuan tersebut ialah Yang Berhormat **Dr. Kelvin Yii Lee Wuen**, Setiausaha Politik kepada Menteri Sumber Manusia dan **Raja Nizam bin Raja Kamarulbahrain**, Setiausaha Bahagian Antarabangsa (KESUMA).

Turut hadir ialah **Dr. Faye Taylor**, Timbalan Pengarah Strategi, Jabatan Pendidikan; **Hannah Deighan**, Setiausaha Sulit kepada Baroness Smith; **Izza Ismail**, Penasihat Serantau Pendidikan dan Kemahiran, Pejabat Pembangunan Komanwel dan Luar Negeri (FCDO), Suruhanjaya Tinggi British Kuala Lumpur; **Min Mahayuddin**, Pengurus Kanan Perdagangan, Suruhanjaya Tinggi British dan **Prabha Sundram**, British Council Malaysia.

UNTUK SIARAN SEGERA

Pertemuan ini menjadi platform kepada kedua-dua negara untuk meneroka peluang kerjasama yang lebih erat dalam pembangunan kemahiran, mobiliti bakat dan perkongsian pendidikan, khususnya dalam konteks permintaan tenaga kerja global yang sentiasa berubah. Antara topik utama yang dibincangkan termasuk:

- **Peranan HRD Corp sebagai pemegang amanah pembangunan modal insan di Malaysia, iaitu sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia Malaysia (KESUMA).** HRD Corp bertanggungjawab untuk memacu pembangunan kemahiran melalui pelbagai program latihan bagi mempertingkatkan dan memperkukuh kemahiran tenaga kerja Malaysia agar sejajar dengan keperluan industri dan perubahan landskap global. Bagi tahun 2025, HRD Corp turut memainkan peranan lebih besar di peringkat serantau melalui **Kepengerusian ASEAN dalam bidang pembangunan modal insan, selaras dengan ASEAN Year of Skills (AYOS) 2025**, iaitu inisiatif sepanjang tahun yang diterajui oleh HRD Corp untuk mempromosikan pembangunan kemahiran yang inklusif, mudah diakses dan berorientasikan masa depan di seluruh rantau ini di samping memperkukuh keupayaan kolektif ASEAN dalam membina tenaga kerja yang tangkas dan berdaya tahan.
- **Perkembangan strategi kemahiran nasional di United Kingdom dan Malaysia**, di mana kedua-dua pihak berkongsi maklumat terkini mengenai pembaharuan semasa, rangka kerja mobiliti bakat, penglibatan industri serta ekosistem pembelajaran sepanjang hayat bagi memastikan pasaran buruh lebih bersedia untuk masa depan.
- **Potensi kerjasama** antara Malaysia dan United Kingdom dalam pembangunan tenaga kerja, seperti pembangunan bersama modul latihan, pertukaran kepakaran dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), pemerksaan kemahiran digital, peningkatan kemahiran dalam ekonomi hijau serta memperkasakan wanita dalam pasaran buruh melalui dasar inklusif dan program bersasar.

Pertemuan ini mencerminkan aspirasi bersama antara Malaysia dan United Kingdom dalam usaha membina tenaga kerja yang berdaya tahan, dinamik dan bersedia menghadapi cabaran masa depan, sekali gus mengukuhkan hubungan dua hala dalam bidang pendidikan, pembangunan bakat dan inovasi untuk terus berkembang dalam ekonomi global yang kian kompetitif dan pantas berubah.

UNTUK SIARAN SEGERA

Sepanjang sesi tersebut, kedua-dua delegasi turut meneroka pelbagai peluang kerjasama serta bertukar pandangan berkenaan agenda nasional masing-masing dalam aspek peningkatan dan pembangunan semula kemahiran. Kedua-dua pihak juga menyatakan minat yang tinggi untuk menyokong serta menyertai inisiatif serantau yang memacu ekosistem bakat yang inklusif, mampan serta berorientasikan masa depan di peringkat global.

Pertemuan tersebut kemudian diakhiri dengan persetujuan bersama untuk terus menerokai kerjasama strategik melalui program bersama, perkongsian ilmu, usaha pembangunan kapasiti serta dialog dasar demi menyokong inovasi dan kecemerlangan dalam latihan kemahiran di kedua-dua negara.

-Tamat-

UNTUK SIARAN SEGERA

Mengenai HRD Corp

Human Resource Development Corporation (HRD Corp) ditubuhkan pada tahun 1993 dengan dikenali sebagai Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM). Ia kemudian diperbadankan menjadi Pembangunan Sumber Manusia Berhad pada melalui penggubalan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001.

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia, HRD Corp bertanggungjawab terhadap pungutan levi dari industri utama serta pengeluaran geran latihan melalui mekanik dalamannya yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) atau Human Resources Development Fund (HRDF).

Pada April 2021, HRDF telah dijenamakan semula kepada HRD Corp. Perubahan nama ini adalah cerminan tanggungjawab, arah dan misi organisasi yang baharu. Ini termasuk memperluas usaha peningkatan kemahiran dan kemahiran semula pekerja kepada semua majikan dan individu warga Malaysia; di samping memberi peluang menjana pendapatan kepada semua komuniti yang memerlukan. Transformasi ini sejajar dengan cita-cita HRD Corp untuk memacu aspirasi pengembangan bakat tempatan untuk jangka panjang.

Untuk maklumat lanjut, sila layari – www.hrddcorp.gov.my.